MKC CORPORATE & BUSINESS ADVISORY SDN BHD lwn. CUBIC ELECTRONICS SDN BHD & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
HADHARIAH SYED ISMAIL H
[GUAMAN NO: 22NCVC-1383-11-2012]
27 APRIL 2016

PROSEDUR SIVIL: *Penghinaan mahkamah – Perintah komital – Permohonan – Pengusikan dokumen yang dikemukakan di mahkamah – Sama ada dilakukan untuk menghalang dan mengecewakan pentadbiran keadilan mahkamah – Sama ada menghina mahkamah – Sama ada permohonan perintah komital harus dibenarkan*

Plaintif memasuki satu perjanjian sewa utama pada tahun 2009 dengan defendan pertama dengan sewa RM250,000 sebulan. Semasa sewa utama dengan plaintif masih sah dan berkuat kuasa, defendan pertama menandatangani perjanjian sewa bertarikh 25 Disember 2010 dan perjanjian jual beli bertarikh 3 Januari 2011 ('dokumen-dokumen') dengan defendan ketiga melibatkan hartanah yang sama. Dokumen-dokumen tersebut dikemukakan semasa perbicaraan tetapi didapati tidak lengkap kerana beberapa ruang ditukarkan dan ruangan bayaran sewa dipadamkan. Saksi tunggal defendan ketiga ('DW3') dikatakan menghalang dan mengecewakan pentadbiran keadilan mahkamah, antara lain, dengan (i) mengusik dokumen-dokumen ketika dikemukakan di mahkamah; dan (ii) memberi keterangan palsu di mahkamah. Oleh itu, plaintif melalui lampiran 116, memohon untuk suatu perintah pengkomitan di bawah A. 52 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dibuat terhadap DW3 kerana menghina mahkamah. Sebaliknya, DW3, menafikan terlibat dengan penukaran muka surat, atau berbohong kepada mahkamah dan menyatakan bahawa terdapat kesilapan dalam proses penyediaan dokumen-dokumen. Isu yang dibangkitkan untuk pertimbangan mahkamah adalah sama ada perbuatan DW3 terjumlah kepada menghalang, mengecewakan pentadbiran mahkamah dan menghina mahkamah.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif dengan kos):

(1) Penjelasan DW3 bahawa berlakunya kesilapan semasa proses penyediaan dokumen-dokumen tidak boleh diterima. Kecacatan dokumen-dokumen adalah serius. Beberapa muka surat dokumen-dokumen telah tertukar, klausa-klausa dalam dokumen-dokumen tidak menyatakan klausa sebenar, terdapat klausa yang ditukar-tukarkan dari klausa sebenar dan ruang mengenai jumlah bayaran sewa dipadamkan. Kesemua perkara berlaku kerana DW3 hendak menyembunyikan dua fakta material iaitu bahawa (i) perjanjian sewa dan perjanjian jual beli antara defendan ketiga dengan defendan pertama dibuat tertakluk kepada perjanjian sewa utama antara plaintif dan defendan pertama; dan

(ii) defendan ketiga juga membayar sewa sebanyak RM250,000 kepada defendan pertama. Penafian DW3 bahawa dia tidak menukar muka surat dan klausa-klausa perjanjian juga tidak boleh diterima mahkamah kerana DW3 adalah pihak yang berurusan secara terus dengan defendan pertama dan defendan kedua. (perenggan 8)

(2) Pengusikan dokumen-dokumen dilakukan bukan dengan *bona fide* tetapi dilakukan dengan sengaja untuk menyembunyikan perkara sebenar daripada mahkamah. Sebelum perbicaraan dimulakan, DW3 diarahkan supaya mengemukakan salinan asal perjanjian tetapi arahan tersebut tidak diendahkan. Keterangan DW3 mengenai tujuan pelbagai perjanjian dan jumlah bayaran sewa kepada defendan pertama adalah berputar belit. Perbuatan-perbuatan DW3 dilakukan dengan niat untuk menipu, mengganggu pentadbiran keadilan mahkamah dan dilakukan untuk menghina mahkamah. Oleh itu, hukuman denda RM50,000, jika gagal bayar, dua bulan penjara dikenakan ke atas DW3. (perenggan 8)

Kes-kes yang dirujuk:
Jasa Keramat Sdn Bhd v. Monatech (M) Sdn Bhd [2001] 4 CLJ 549 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of Court 2012, O. 52 r. 4

Bagi pihak plaintif - Justin Voon Chooi; T/n Justin Voon Chooi & Wing
Bagi pihak defendan - Kamarudin Mohamad Musa; T/n Sharif & Khoo

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Hadhariah Syed Ismail H:

Pengenalan

[1] Lampiran 116 adalah permohonan plaintif untuk suatu perintah pengkomitan di bawah A. 52 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dibuat terhadap Kamarudin bin Mohammad Musa (DW3) iaitu saksi tunggal defendan ketiga kerana menghina mahkamah. Pada 23 Julai 2015, saya telah membenarkan permohonan itu dengan kos RM10,000 dan memerintahkan DW3 membayar denda RM50,000 dalam masa 30 hari dari tarikh perintah, jika gagal akan dipenjarakan selama dua bulan. Alasan-alasan saya bagi membenarkan permohonan itu adalah seperti berikut.

Fakta Ringkas

[2] Pertikaian pihak-pihak dalam tindakan ini melibatkan perebutan hak sebagai penyewa utama kepada bangunan dan hartanah kepunyaan defendan pertama. Fakta menunjukkan plaintif telah memasuki suatu perjanjian sewa utama (master tenancy agreement) pada tahun 2009 dengan defendan pertama dengan sewa RM250,000 sebulan. Semasa perjanjian sewa utama dengan plaintif masih sah dan berkuat kuasa, tanpa pengetahuan plaintif, defendan

pertama telah menandatangani perjanjian sewa bertarikh 25 Disember 2010 dan perjanjian jual beli bertarikh 3 Januari 2011 dengan defendan ketiga melibatkan hartanah yang sama. Kedua-dua perjanjian ini telah dikemukakan pada masa perbicaraan. Kedua-dua perjanjian itu didapati tidak lengkap kerana terdapat beberapa muka surat telah ditukarkan (swapped) dan ruangan bayaran sewa juga telah dipadamkan.

Perbuatan Penghinaan

[3] DW3 dikatakan telah menghalang dan mengecewakan pentadbiran keadilan mahkamah dengan melakukan perbuatan berikut:

(a) Mengusik dokumen yang dikemukakan di mahkamah;

(b) Memberi keterangan palsu kepada mahkamah dalam bicara penuh pada 7 Januari 2015, 8 Januari 2015, 9 Januari 2015 dan 12 Januari 2015; dan

(c) Tidak memberi jawapan yang berterus terang kepada mahkamah.

Bantahan DW3

[4] Dalam afidavit balasan beliau bertarikh 10 Julai 2015, DW3 menafikan semua dakwaan plaintif. Mengenai isu pengusikan dokumen, beliau memberi penjelasan berikut:

(i) perjanjian sewa bertarikh 25 Disember 2010 dan perjanjian jual beli bertarikh 3 Januari 2011 tidak lengkap, tidak teratur dan cacat hanyalah satu kesilapan dalam proses penyediaan dokumen-dokumen tersebut. Kecacatan dokumen-dokumen bukan direka untuk mengelirukan mahkamah ini;

(ii) tindakan defendan ketiga mengemukakan salinan fotokopi perjanjian sewa bertarikh 25 Disember 2010 adalah sesuatu yang tidak disengajakan dan tanpa sebarang niat jahat; dan

(iii) kegagalan beliau membuat pembetulan dalam pernyataan saksi beliau yang menyebut sewa yang dibayar oleh defendan ketiga kepada defendan pertama ialah RM250,000 sedangkan dalam perjanjian sewa disebut sewa sebanyak RM310,799.25 adalah satu ketinggalan *bona fide* dan bukannya dengan niat untuk menipu mana-mana pihak.

[5] Mengenai dakwaan beberapa muka surat dalam perjanjian sengaja ditukar oleh defendan ketiga, beliau menafikan beliau terlibat dengan penukaran muka surat tersebut. Beliau juga menafikan berbohong kepada mahkamah.

[6] Isu di hadapan mahkamah ialah sama ada perbuatan-perbuatan penghinaan yang dikatakan dilakukan oleh DW3 terjumlah kepada menghalang dan mengecewakan pentadbiran keadilan mahkamah.

A **Undang-Undang**

[7] Dalam kes *Jasa Keramat Sdn Bhd v. Monatech (M) Sdn Bhd* [2001] 4 CLJ 549; [2001] 4 MLJ 577, Abdul Hamid Mohamad (HMR) menyatakan prinsip undang-undang berikut:

B

> Whether an act amounts to an interference with the due administration of justice or the course of justice and therefore contempt, or not, depends on the circumstances of each case. The act, as stated by Llyod L J in *Attorney General v. Newspaper Publishing plc*, must be sufficiently serious and sufficiently closely connected with the particular proceedings.The court will have to consider whether the act is done in good faith, in the ordinary
C course of business or whether it is one with a view to frustrate the proceedings, thus rendering any subsequent order of court ineffective and fruitless. We do not think we can draw an exhaustive list, because,as in all cases, it depends on the circumstances of each case.However, we are certain that he who is honest should have nothing to fear, but he who is not should have a lot to ponder.

D

Dapatan Dan Keputusan

[8] Dalam kes ini, DW3 mengakui bahawa perjanjian sewa bertarikh 25 Disember 2010 dan perjanjian jual beli bertarikh 3 Januari 2011 adalah tidak lengkap dan tidak teratur. Penjelasan beliau bahawa perkara ini berlaku
E akibat kesilapan semasa proses penyediaan dokumen tidak boleh diterima oleh mahkamah. Kecacatan kedua-dua dokumen itu adalah serius. Pertama, beberapa muka surat dokumen-dokumen itu telah ditukar. Keduanya, klausa-klausa dalam dokumen-dokumen itu juga tidak menyatakan klausa sebenar. Terdapat klausa yang telah ditukar-tukarkan dari klausa sebenar dalam
F perjanjian bila perbandingan dibuat dengan perjanjian yang sebenar. Ketiganya, ruangan mengenai jumlah bayaran sewa telah dipadamkan. Kesemua perkara di atas berlaku kerana defendan ketiga hendak menyembunyikan dua fakta yang material iaitu: (i) perjanjian sewa dan perjanjian jual beli antara mereka dengan defendan pertama dibuat tertakluk kepada perjanjian sewa utama antara plaintif dan defendan pertama; dan
G (ii) bahawa defendan ketiga juga membayar sewa sebanyak RM250,000 kepada defendan pertama. Penafian DW3 bahawa beliau tidak menukar-nukar muka surat dan klausa-klausa perjanjian tidak boleh diterima oleh mahkamah. Beliau adalah pihak yang berurusan secara terus dengan defendan pertama dan defendan kedua. Defendan kedua sebagai pengarah defendan
H pertama telah dibuktikan sebagai seorang yang tidak jujur dalam transaksi beliau dengan plaintif. Kedua-dua perjanjian bukannya tebal. Mengambil kira fakta bahawa beberapa muka surat telah ditukarkan dan klausa-klausa dalam dokumen juga berlainan, adalah mustahil ianya suatu kesilapan dan perbuatan itu tidak dilakukan oleh DW3. Mengenai ruangan bayaran sewa
I telah dipadamkan, jika benar defendan ketiga membayar sewa RM310,799.25 sebulan kepada defendan pertama, tidak ada sebab mengapa angka tersebut perlu dipadamkan daripada perjanjian. Jika benar juga

defendan ketiga membayar sewa RM310,799.25 kepada defendan pertama, tidak ada sebab untuk DW3 menyatakan dalam pernyataan saksinya sebanyak dua kali bahawa defendan ketiga membayar sewa RM250,000 kepada defendan pertama. Beliau tidak pada bila-bila masa memohon kepada mahkamah untuk meminda angka RM250,000 kepada RM310,799.25 dalam pernyataan saksinya. DW3 kerap kali mengatakan kesemua perkara yang berlaku adalah tidak disengajakan dan bukan dengan niat untuk menipu mahkamah. Saya tolak penjelasan DW3 kerana ianya tidak masuk akal. Menerima pakai prinsip undang-undang yang dinyatakan dalam kes *Jasa Keramat Sdn Bhd v. Monatech (M) Sdn Bhd* (*supra*), saya berpuas hati bahawa pengusikan dokumen termasuklah memadamkan ruangan bayaran sewa dilakukan oleh DW3; bahawa perbuatan itu dilakukan bukan dengan *bona fide*. Tetapi dilakukan dengan sengaja untuk menyembunyikan perkara sebenar daripada mahkamah. Fakta utama yang hendak disembunyikan ialah defendan ketiga juga membayar sewa RM250,000 (jumlah sewa yang sama dibayar oleh plaintif) kepada defendan pertama. Sebelum perbicaraan ini dimulakan lagi, defendan ketiga telah diarahkan supaya mengemukakan salinan asal perjanjian. Arahan mahkamah tidak diendahkan. Mahkamah ini berhak untuk meminta dan diberikan dokumen yang lengkap, sempurna dan teratur. Selanjutnya, saya juga mendapati keterangan DW3 mengenai tujuan pelbagai perjanjian dimasuki antara defendan ketiga dan defendan pertama dan jumlah bayaran sewa kepada defendan pertama adalah berbelit-belit. Mengambil kira kesemua perkara-perkara ini, saya berpuas hati bahawa perbuatan-perbuatan DW3 dilakukan dengan niat untuk menipu dan mengganggu pentadbiran keadilan mahkamah. Dengan itu, plaintif telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa DW3 telah melakukan penghinaan mahkamah. Oleh kerana nilai subjek pertikaian dalam kes ini melibatkan jutaan ringgit, saya berpendapat hukuman denda RM50,000 jika gagal bayar dua bulan penjara adalah munasabah dan berpatutan dan mengenakan hukuman tersebut ke atas DW3.

A B C D E F G H I